

01 NOV 2002

Syed Hamid-Asean

DR MAHATHIR HADIR SIDANG ASEAN DI KEMBOJA MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri sidang kemuncak Asean ke-8 yang pertama kali diadakan di Phnom Penh, Kemboja pada 4 dan 5 Nov ini, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata sidang kemuncak Asean itu yang akan dihadiri oleh 10 ketua negara anggota akan disusuli dengan mesyuarat "Asean +3" membabitkan para pemimpin Asean dengan rakan sejawatan masing-masing dari China, Jepun dan Korea Selatan.

Sidang kemuncak kali ini menyaksikan pembaharuan melalui mesyuarat Asean campur satu iaitu antara pertubuhan serantau itu dengan India, katanya kepada pemberita selepas seminar kebangsaan untuk setiausaha syarikat di sini hari ini.

"Saya yakin India mempunyai peranan penting dalam hasrat kita untuk mengurangkan jurang digital antara negara di Asean memadamkan India mempunyai kepakaran yang boleh membantu dalam pembangunan negara kita," kata Syed Hamid yang turut mengiring Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melawat India, dua minggu lepas.

Sidang kemuncak Asean itu antara lain akan menumpukan kepada soal mengintegrasikan negara-negara anggota daripada segi ekonomi terutama dalam menghadapi cabaran globalisasi, katanya.

Selain itu, hasrat Malaysia supaya mekanisme untuk merealisasikan cadangan mengadakan "Asean + 3" akan dibincangkan, katanya.

Beliau berkata pada sidang kemuncak itu juga Malaysia akan menandatangani memorandum persefahaman antara Asean dan China bagi melaksanakan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dalam jangka masa yang ditetapkan.

-- BERNAMA

NJ AZZ LAT